

CNS8768

R CB 04-09 00119 BH692

Bah

Mahathir - Jamuan

MELAKA, 4 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Datin Paduka Dr Siti Hasmah Mohamed Ali diraikan dalam satu majlis jamuan malam oleh kerajaan negeri sempena lawatan rasmi beliau ke Melaka.

Yang turut hadir ialah Ketua Menteri Tan Sri Haji Abdul Rahim Tamby Chik, Setiausaha Kerajaan Negeri Datuk Mohamad Zam Abdul Wahab dan anggota Exco kerajaan negeri.

Hadir sama ialah Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid, Menteri Kesenian, Kebudayaan dan Pelancongan Datuk Sabaruddin Chik dan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi Tan Sri Sakaran Dandai.

Jamuan malam itu diserikan dengan nyanyian dan tarian oleh Badan Kesenian Negeri Briged Seni. -- Bernama

♥04/09/23-31MST.